

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci status terkini kedudukan kewangan dan operasi FELDA selepas pembentangan Kertas Putih FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pembentangan Kertas Putih FELDA pada 10 April 2019, Kerajaan telah memulakan langkah proaktif dengan menyalurkan peruntukan secara berperingkat kepada FELDA.
2. Pada masa ini, FELDA telah menyelesaikan tunggakan bayaran kepada peneroka termasuk pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil kepada peneroka berdasarkan kadar yang dipersetujui oleh Kerajaan. Selain itu, FELDA juga telah melaksanakan bayaran tertunggak kepada vendor bagi mengurangkan komitmen tunggakan bayaran FELDA.
3. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan Model FELDA Baharu yang terdiri daripada wakil kementerian dan agensi Kerajaan serta NGO yang berkaitan bagi memastikan usaha melestarikan FELDA seperti yang terkandung dalam Kertas Putih tercapai. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau strategi penambahbaikan serta lima (5) program dan projek utama yang dirangka di bawah Model FELDA Baharu berdasarkan peruntukan RM 6.23 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat sehingga 2025.

4. Di samping itu, sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditubuhkan secara usahasama strategik bagi memastikan objektif Program Pembangunan Peneroka (PPP) Bagi Hasil Baharu tercapai. Melalui kerjasama ini, peneroka digalakkan untuk menceburkan diri dalam aktiviti pertanian dan ternakan yang menggunakan teknologi baharu seperti '*smart farming*' dan '*precision agriculture*'.

5. Strategi ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan peneroka kepada hasil sawit serta meningkatkan pendapatan.

Sekian, terima kasih.